

D.R. 8/2011

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011.

Seksyen baru 1A dan 1B

2. Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut:

“Pemakaian Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

1A. Perkara yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh (yang merupakan Perkara Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia.

Pemakaian Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi-Agenzi Khusus

1B. (1) Perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan (yang merupakan Perkara Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi-Agenzi Khusus) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang di Malaysia.

(2) Perenggan 1(ii)(j) Perkara I kepada Konvensyen hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada suatu agensi yang mempunyai hubungan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengikut Perkara 57 dan 63 Piagam dan yang baginya Malaysia merupakan anggota.”.

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “ketua utusan” takrif yang berikut:

“ “ejen diplomatik” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 [Akta 636];’;

(b) dengan memotong takrif “ketua utusan”;

(c) dengan menggantikan noktah di hujung takrif “persidangan antarabangsa” dengan koma bernoktah; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “persidangan antarabangsa” takrif yang berikut:

“ “Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu” ertiya organisasi yang ditubuhkan oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditandatangani di San Francisco pada 26 Jun 1945.’.

Pindaan seksyen 3

4. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) yang mempunyai pejabat di Malaysia dan yang, pada pendapat Menteri, melaksanakan fungsi yang memberikan manfaat kepada Malaysia.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
- “(1A) Peruntukan perenggan (1)(c) tidak terpakai bagi—
 - (a) mana-mana organisasi yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia; dan
 - (b) mana-mana organisasi yang diperbadankan atau ditubuhkan bagi maksud komersial.”.

Pindaan seksyen 4

5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subsubperenggan (1)(c)(i)—
 - (i) dengan memotong koma selepas perkataan “in attendance at”; dan
 - (ii) dengan memasukkan koma selepas perkataan “convened by”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:
 - “(7) Seseorang pegawai tinggi atau pegawai organisasi antarabangsa yang merupakan warganegara Malaysia tidak berhak di bawah seksyen ini kepada apa-apa keistimewaan atau kekebalan dalam masing-masing Jadual Kedua dan Keempat, kecuali berkenaan dengan perbuatan dan benda yang dibuat atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian.”.

Seksyen baru 6A dan 6B

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Keistimewaan dan kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

6A. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada subseksyen 3(1), 11(3) dan 11(5), Menteri boleh melalui peraturan-peraturan, sama ada dengan atau tanpa sekatan atau setakat atau tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu, memberi—

- (a) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang sebagaimana yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya; dan
- (b) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan wakil anggota, pegawai dan pakar dalam misinya semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

Keistimewaan dan kekebalan Agensi-agensi Khusus

6B. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini dan tertakluk kepada subseksyen 3(1), 11(3) dan 11(5), Menteri boleh melalui peraturan-peraturan, sama ada dengan atau tanpa sekatan atau setakat atau tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu, memberi—

- (a) Agensi-agensi Khusus keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang sebagaimana yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya; dan
- (b) Agensi-agensi Khusus dan wakil anggota, pegawai dan pakar dalam misinya semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan.”.

Seksyen baru 8A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“Penggunaan keistimewaan dan kekebalan dengan sepatutnya”

8A. (1) Keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah Akta ini diberikan demi kepentingan organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara dan bukan bagi faedah peribadi individu.

(2) Pihak berkuasa yang berkenaan bagi masing-masing organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan keistimewaan dan kekebalan mana-mana wakil, pegawai atau pakarnya dalam apa-apa hal jika, pada pendapatnya, keistimewaan dan kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskankan kepentingan organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara itu.

(3) Organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara hendaklah bekerjasama pada setiap masa dengan pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia untuk—

- (a) memudahkan pentadbiran keadilan yang sepatutnya;
- (b) memastikan bahawa semua perundangan domestik dipatuhi; dan
- (c) mencegah berlakunya apa-apa penyalahgunaan berkaitan dengan keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 11

8. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “seksyen 4 dan 5” dengan perkataan “seksyen 4, 5, 6A dan 6B”; dan

- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “seksyen 4 atau 5” dengan perkataan “seksyen 4, 5, 6A atau 6B”.

Pindaan Jadual Pertama

9. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. Ketidakbolehcabulan dokumen dan arkib.”.

Pindaan Jadual Kedua, Ketiga dan Kelima

10. Bahagian I Jadual Kedua, Ketiga dan Kelima kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ketua utusan” dengan perkataan “ejen diplomatik”.

Jadual baru Ketujuh dan Kelapan

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keenam Jadual yang berikut:

“JADUAL KETUJUH

[Seksyen 1A dan 6A]

PERKARA KONVENTSYEN MENGENAI KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG MEMPUNYAI KUAT KUASA UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Perkara I

KEPERIBADIAN JURIDIKAL

Seksyen 1

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai personaliti juridikal. Ia hendaklah mempunyai kapasiti—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk memperoleh dan melupuskan harta tak alih dan harta alih;
- (c) untuk memulakan prosiding undang-undang.

Perkara II

HARTA, DANA DAN ASET

Seksyen 2

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, harta dan asetnya di mana-mana jua terletak dan oleh sesiapa jua dipegang, hendaklah menikmati kekebalan daripada tiap-tiap bentuk proses perundungan kecuali setakat yang dalam mana-mana hal tertentu ia telah mengetepikan kekebalannya secara nyata. Walau bagaimanapun, difahamkan bahawa tiada pengetepian kekebalan boleh diberikan kepada mana-mana langkah pelaksanaan.

Seksyen 3

Premis Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak boleh dicabul. Harta dan aset Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di mana-mana jua terletak dan oleh sesiapa jua dipegang, adalah kebal daripada penggeledahan, rekuisisi, rampasan, ekspropriasi dan apa-apa bentuk gangguan yang lain, sama ada melalui tindakan eksekutif, pentadbiran, kehakiman atau perundangan.

Seksyen 4

Arkib Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan secara amnya segala dokumen yang dimiliki atau dipegang olehnya, di mana-mana jua terletak tidak boleh dicabul.

Seksyen 5

Tanpa disebat oleh apa-apa jenis kawalan kewangan, peraturan-peraturan atau penangguhan—

- (a) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu boleh memegang apa-apa jenis dana, emas atau mata wang dan mengendalikan akaun dalam apa-apa mata wang;
- (b) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah bebas untuk memindahkan dana, emas atau mata wangnya dari satu negara ke negara lain atau di dalam mana-mana negara dan untuk menukar apa-apa mata wang yang dipegang olehnya kepada mana-mana mata wang lain.

Seksyen 6

Dalam menjalankan haknya di bawah seksyen 5 di atas, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah memberikan perhatian yang sewajarnya kepada apa-apa representasi yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana Anggota setakat yang dianggap bahawa kuat kuasa dapat diberikan kepada representasi itu tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Seksyen 7

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, aset, pendapatan dan harta lainnya hendaklah—

- (a) dikecualikan daripada semua cukai langsung; walau bagaimanapun, difahamkan bahawa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan menuntut pengecualian daripada cukai yang, sebenarnya, merupakan caj bagi perkhidmatan kemudahan awam;
- (b) dikecualikan daripada duti kastam dan larangan dan sekatan ke atas import dan eksport berkenaan dengan barang yang diimport atau dieksport oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi kegunaan rasminya. Walau bagaimanapun, difahamkan bahawa, barang yang diimport di bawah pengecualian tersebut tidak akan dijual di dalam negara di mana barang itu diimport kecuali di bawah syarat-syarat yang dipersetujui dengan Kerajaan negara itu;
- (c) dikecualikan daripada duti kastam dan larangan dan sekatan ke atas import dan eksport berkenaan dengan penerbitannya.

Seksyen 8

Walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak akan, secara amnya, menuntut pengecualian daripada duti eksais dan daripada cukai ke atas penjualan harta alih dan harta tak alih yang menjadi sebahagian daripada harga yang kena dibayar, namun apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membuat pembelian penting harta bagi kegunaan rasmi yang ke atasnya duti dan cukai telah dikenakan atau boleh dikenakan, Anggota akan, bilamana mungkin, membuat perkiraan pentadbiran yang bersesuaian bagi peremitan atau pemulangan amaun duti atau cukai itu.

Perkara III**KEMUDAHAN BERKENAAN DENGAN KOMUNIKASI****Seksyen 9**

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah menikmati bagi komunikasi rasminya di dalam wilayah setiap Anggota, layanan yang tidak kurang daripada layanan yang diberikan oleh Kerajaan Anggota itu kepada mana-mana Kerajaan lain termasuk misi diplomatiknya dalam hal keutamaan, kadar dan cukai ke atas surat, kabel, telegram, radiogram, telefoto, telefon dan komunikasi yang lain; dan kadar media bagi maklumat kepada media dan radio. Tiada penapisan boleh dikenakan terhadap surat-menyurat rasmi dan komunikasi rasmi yang lain Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Seksyen 10

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah mempunyai hak untuk menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-menyuratnya melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg, yang hendaklah mempunyai kekebalan dan keistimewaan yang sama sebagaimana perkhidmatan kurir diplomatik dan beg diplomatik.

Perkara IV

WAKIL ANGGOTA

Seksyen 11

Wakil Anggota kepada organ utama dan subsidiari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kepada persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, hendaklah, semasa menjalankan fungsi mereka dan semasa perjalanan mereka ke dan dari tempat mesyuarat, menikmati keistimewaan dan kekebalan yang berikut:

- (a) kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri dan daripada penyitaan bagasi peribadi mereka, dan, berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan yang dilakukan oleh mereka atas sifat mereka sebagai wakil, kekebalan daripada tiap-tiap jenis proses perundangan;
- (b) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
- (c) hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;
- (d) pengecualian bagi mereka dan suami atau isteri mereka daripada sekatan imigresen, pendaftaran orang asing atau obligasi khidmat negara di dalam negara yang dilawati oleh mereka atau yang dilalui oleh mereka dalam menjalankan fungsi mereka;
- (e) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang atau pertukaran seperti yang diberikan kepada wakil kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (f) kekebalan dan kemudahan yang sama berkenaan dengan bagasi peribadi seperti yang diberikan kepada utusan diplomatik; dan
- (g) apa-apa keistimewaan, kekebalan dan kemudahan lain yang tidak bertentangan dengan yang sebelum ini seperti yang dinikmati oleh utusan diplomatik, kecuali mereka tidak berhak untuk menuntut pengecualian daripada duti kastam ke atas barang yang diimport (selain sebahagian daripada bagasi peribadi mereka) atau daripada duti eksais atau cukai jualan.

Seksyen 12

Untuk menjamin kebebasan bercakap sepenuhnya dan kebebasan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas bagi wakil Anggota kepada organ utama dan subsidiari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kepada persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kekebalan daripada proses perundangan berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan mereka dalam melaksanakan tugas mereka hendaklah terus diberikan, walaupun orang yang berkenaan bukan lagi wakil Anggota.

Seksyen 13

Jika beban apa-apa bentuk pencukaian bergantung kepada pemastautinan, tempoh yang dalamnya wakil Anggota kepada organ utama dan subsidiari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan persidangan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berada di dalam sesuatu negeri bagi melaksanakan tugas mereka tidaklah boleh dianggap sebagai tempoh pemastautinan.

Seksyen 14

Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada wakil Anggota bukan untuk faedah peribadi individu itu, tetapi untuk memelihara kebebasan mereka dalam melaksanakan fungsi yang berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh itu, sesuatu Anggota bukan sahaja mempunyai hak tetapi mempunyai kewajipan untuk mengetepikan kekebalan wakilnya dalam apa-apa hal jika pada pendapat Anggota itu kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan kekebalan boleh diketepikan tanpa menjaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

Seksyen 15

Peruntukan seksyen 11,12 dan 13 tidak terpakai antara seorang wakil dengan pihak berkuasa Negara yang dia ialah seorang warganegara atau yang dia ialah atau telah menjadi wakil.

Seksyen 16

Dalam Perkara ini, ungkapan “wakil” hendaklah disifatkan merangkumi semua wakil, timbalan wakil, penasihat, pakar teknikal dan setiausaha perwakilan.

Perkara V

PEGAWAI

Seksyen 17

Setiausaha Agung akan menentukan kategori pegawai yang baginya peruntukan Perkara ini dan Perkara VII hendaklah terpakai. Setiausaha Agung hendaklah menyerahkan kategori tersebut kepada Perhimpunan Agung. Kemudian daripada itu kategori tersebut hendaklah disampaikan kepada Kerajaan semua Anggota. Nama pegawai yang dimasukkan ke dalam kategori itu hendaklah dari semasa ke semasa diberitahukan kepada Kerajaan Anggota.

Seksyen 18

Pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah—

- (a) kebal daripada proses perundangan berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan yang dilaksanakan oleh mereka dalam tugas rasmi mereka;

- (b) dikekualikan daripada percukaian ke atas gaji dan emolumen yang dibayar kepada mereka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (c) kebal daripada obligasi khidmat negara;
- (d) kebal, bersama-sama dengan suami atau isteri mereka dan saudara yang bergantung kepada mereka, daripada sekatan imigresen dan pendaftaran orang asing;
- (e) diberi keistimewaan yang sama berkenaan dengan kemudahan pertukaran seperti yang diberikan kepada pegawai yang berpangkat setara yang menjadi sebahagian daripada misi diplomatik kepada Kerajaan yang berkenaan;
- (f) diberi, bersama-sama dengan suami atau isteri mereka dan saudara yang bergantung kepada mereka, kemudahan repatriasi yang sama pada masa krisis antarabangsa seperti misi diplomatik;
- (g) mempunyai hak untuk mengimport perabot dan barang-barang mereka bebas daripada duti pada masa mereka mula-mula menyandang jawatan mereka di dalam negara yang berkenaan.

Seksyen 19

Sebagai tambahan kepada kekebalan dan keistimewaan yang dinyatakan dalam seksyen 18, Setiausaha Agung dan semua Penolong Setiausaha Agung hendaklah diberi berkenaan dengan diri mereka, suami atau isteri mereka dan anak di bawah umur mereka, keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang diberikan kepada utusan diplomatik, mengikut undang-undang antarabangsa.

Seksyen 20

Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pegawai bagi kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Setiausaha Agung hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pegawai dalam apa-apa hal jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam hal Setiausaha Agung, Majlis Keselamatan hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan.

Seksyen 21

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah bekerjasama dengan pihak berkuasa Anggota yang berkenaan pada setiap masa untuk membantu pentadbiran keadilan yang sepatutnya, menjamin kepatuhan pada peraturan-peraturan polis dan mencegah daripada berlakunya apa-apa penyalahgunaan berkenaan dengan keistimewaan, kekebalan dan kemudahan yang disebut dalam Perkara ini.

Perkara VI

PAKAR DALAM MISI BAGI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Seksyen 22

Pakar (selain pegawai dalam ruang lingkup Perkara V) yang menjalankan misi bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah diberi apa-apa keistimewaan dan kekebalan yang perlu bagi penjalanan bebas fungsi mereka ketika tempoh misi mereka, termasuk masa yang digunakan dalam perjalanan yang berkenaan dengan misi mereka. Secara khususnya, mereka hendaklah diberi—

- (a) kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri dan daripada penyitaan bagasi peribadi mereka;
- (b) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan perbuatan yang dilakukan oleh mereka dalam menjalankan misi mereka, kekebalan daripada tiap-tiap jenis proses perundangan. Kekebalan daripada proses perundangan ini hendaklah terus diberikan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi bekerja untuk misi bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (c) ketidakbolehocabulan semua kertas dan dokumen;
- (d) bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menjurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;
- (e) kemudahan yang sama berkenaan dengan sekatan mata wang atau sekatan pertukaran seperti yang diberikan kepada wakil kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (f) kekebalan dan kemudahan yang sama berkenaan dengan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada utusan diplomatik.

Seksyen 23

Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar untuk kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu. Setiausaha Agung hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam keadaan jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perkara VII

LAISSEZ-PASSER PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Seksyen 24

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu boleh mengeluarkan *laissez-passer* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada pegawainya. *Laissez-passer* itu hendaklah diiktiraf dan diterima sebagai dokumen perjalanan yang sah oleh pihak berkuasa Anggota, dengan mengambil kira peruntukan seksyen 25.

Seksyen 25

Permohonan visa (apabila dikehendaki) daripada pemegang *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, apabila disertai dengan perakuan bahawa perjalanan mereka adalah atas urusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, hendaklah dikendalikan dengan seberapa segera yang mungkin. Sebagai tambahan, orang tersebut hendaklah dibenarkan kemudahan perjalanan segera.

Seksyen 26

Kemudahan yang serupa seperti yang dinyatakan dalam seksyen 25 hendaklah diberikan kepada pakar dan orang lain yang, walaupun bukan pemegang *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mempunyai perakuan bahawa perjalanan mereka adalah atas urusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Seksyen 27

Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung dan Pengarah yang berjalan atas *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi urusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah diberi kemudahan yang sama seperti yang diberikan kepada utusan diplomatik.

Seksyen 28

Peruntukan Perkara ini boleh terpakai bagi pegawai agensi khusus yang setara jika perjanjian bagi perhubungan yang dibuat di bawah Perkara 63 Piagam membenarkan sedemikian.

Perkara VIII

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Seksyen 29

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah membuat peruntukan untuk cara penyelesaian yang sesuai bagi—

- (a) pertikaian yang timbul daripada kontrak atau pertikaian lain yang bersifat undang-undang peribadi yang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan pihak kepadanya;
- (b) pertikaian yang melibatkan mana-mana pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menikmati kekebalan disebabkan oleh jawatan rasminya, jika kekebalan tidak diketepikan oleh Setiausaha Agung.

Seksyen 30

Semua perbezaan yang timbul daripada pentafsiran atau pemakaian konvensyen ini hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa, melainkan jika dalam apa-apa kes telah dipersetujui oleh pihak-pihak untuk menggunakan cara penyelesaian yang lain. Jika perbezaan timbul antara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di suatu pihak dengan Anggota di pihak yang satu lagi, permintaan bagi nasihat undang-undang ke atas apa-apa soalan undang-undang yang terlibat hendaklah dibuat mengikut Perkara 96 Piagam dan Perkara 65 Statut Mahkamah. Pandangan yang diberikan oleh Mahkamah hendaklah diterima sebagai muktamad oleh pihak-pihak.

Perkara Akhir**Seksyen 31**

Konvensyen ini diserahkan kepada tiap-tiap Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kesertaan.

Seksyen 32

Kesertaan hendaklah diberi kesan dengan menyimpan surat cara dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Konvensyen itu hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan setiap Anggota pada tarikh setiap surat cara kesertaan disimpan.

Seksyen 33

Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan semua Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang penyimpanan setiap kesertaan.

Seksyen 34

Difahamkan bahawa, apabila suatu surat cara kesertaan disimpan bagi pihak mana-mana Anggota, Anggota itu boleh di bawah undang-undangnya memberi kesan kepada terma-terma Konvensyen ini.

Seksyen 35

Konvensyen ini hendaklah terus berkuat kuasa antara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tiap-tiap Anggota yang telah menyimpan surat cara kesertaan selagi Anggota itu kekal sebagai Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sehingga suatu konvensyen am yang telah disemak diluluskan oleh Perhimpunan Agung dan Anggota itu menjadi pihak kepada konvensyen yang telah disemak ini.

Seksyen 36

Setiausaha Agung boleh membuat perjanjian tambahan dengan mana-mana Anggota atau Anggota-Anggota yang menyelaraskan peruntukan Konvensyen ini setakat yang berkenaan bagi Anggota atau Anggota-Anggota itu. Perjanjian tambahan ini hendaklah dalam setiap hal tertakluk kepada kelulusan Perhimpunan Agung.

JADUAL KELAPAN

[Seksyen 1B dan 6B]

PERKARA KONVENTSYEN MENGENAI KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN AGENSI-AGENSI KHUSUS YANG MEMPUNYAI KUASA UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Perkara I

TAKRIF DAN SKOP

Seksyen 1

Dalam Konvensyen ini—

- (i) Perkataan “fasal am” merujuk kepada peruntukan Perkara II hingga IX.
- (ii) Perkataan “agensi khusus” ertinya—
 - (a) Pertubuhan Buruh Antarabangsa;
 - (b) Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
 - (c) Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu;
 - (d) Pertubuhan Penerangan Awam Antarabangsa;
 - (e) Tabung Kewangan Antarabangsa;
 - (f) Bank Antarabangsa untuk Pemulihan dan Pembangunan;
 - (g) Pertubuhan Kesihatan Sedunia;
 - (h) Kesatuan Pos Sedunia;
 - (i) Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa; dan
 - (j) Apa-apa agensi lain yang mempunyai hubungan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menurut Perkara 57 dan 63 Piagam.
- (iii) Perkataan “Konvensyen” ertinya, berhubungan dengan mana-mana agensi khusus tertentu, fasal am sebagaimana yang diubahsuaikan oleh teks muktamad (atau yang disemak) bagi lampiran yang dikemukakan oleh agensi itu mengikut Seksyen 36 dan 38.

- (iv) Bagi maksud Perkara III, perkataan “harta dan aset” hendaklah termasuk harta dan dana yang ditadbirkan oleh suatu agensi khusus dalam melaksanakan fungsi perlembagaannya.
- (v) Bagi maksud Perkara V dan VII, ungkapan “wakil anggota” hendaklah disifatkan termasuk semua wakil, pengganti, penasihat, pakar teknikal dan setiausaha perwakilan.
- (vi) Dalam Seksyen 13, 14, 15 dan 25, ungkapan “mesyuarat yang dipanggil oleh suatu agensi khusus” ertiinya mesyuarat—
 - (a) perhimpunan dan badan eksekutifnya (walau bagaimana dinamakan sekalipun);
 - (b) mana-mana suruhanjaya yang diperuntukkan dalam perlembagaannya;
 - (c) mana-mana persidangan antarabangsa yang dipanggil olehnya; dan
 - (d) mana-mana jawatankuasa mana-mana badan ini.
- (vii) Istilah “ketua eksekutif” ertiinya pegawai eksekutif utama agensi khusus yang berkenaan, sama ada dinamakan “Ketua Pengarah” atau selainnya.

Seksyen 2

Setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini berkenaan dengan mana-mana agensi khusus yang baginya Konvensyen ini terpakai mengikut seksyen 37 hendaklah memberikan kepada, atau berhubungan dengan, agensi itu keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam fasal am tentang syarat-syarat yang dinyatakan dalamnya, tertakluk kepada apa-apa ubah suaian kepada fasal yang terkandung dalam peruntukan lampiran yang muktamad (atau yang disemak) yang berhubungan dengan agensi itu dan dikemukakan mengikut seksyen 36 atau 38.

Perkara II

KEPERIBADIAN JURIDIKAL

Seksyen 3

Agensi-agensi khusus hendaklah mempunyai keperibadian juridikal. Agensi-agensi itu hendaklah mempunyai kapasiti—

- (a) untuk membuat kontrak;
- (b) untuk memperoleh dan melupuskan harta tak alih dan harta alih;
- (c) untuk memulakan prosiding undang-undang.

Perkara III

HARTA, DANA DAN ASET

Seksyen 4

Agensi-agensi khusus, harta dan asetnya di mana-mana jua terletak dan oleh seseiapa jua dipegang, hendaklah menikmati kekebalan daripada tiap-tiap bentuk proses perundangan kecuali setakat yang dalam mana-mana hal tertentu telah mengetepikan kekebalannya secara nyata. Walau bagaimanapun, difahamkan bahawa tiada pengetepian kekebalan boleh diberikan kepada mana-mana langkah pelaksanaan.

Seksyen 5

Premis agensi-agensi khusus tidak boleh dicabul. Harta dan aset agensi-agensi khusus, di mana-mana jua terletak dan oleh seseiapa jua dipegang, adalah kebal daripada penggeledahan, rekuisisi, rampasan, ekspropriasi dan apa-apa bentuk gangguan yang lain, sama ada melalui tindakan eksekutif, pentadbiran, kehakiman atau perundangan.

Seksyen 6

Arkib agensi-agensi khusus, dan secara amnya segala dokumen yang dimiliki atau dipegang olehnya, di mana-mana jua terletak adalah tidak boleh dicabul.

Seksyen 7

Tanpa disebat oleh apa-apa jenis kawalan kewangan, peraturan-peraturan atau penangguhan—

- (a) agensi-agensi khusus boleh memegang apa-apa jenis dana, emas atau mata wang dan mengendalikan akaun dalam apa-apa mata wang;
- (b) agensi-agensi khusus adalah bebas untuk memindahkan dana, emas atau mata wangnya dari satu negara ke negara lain atau di dalam mana-mana negara dan untuk menukar apa-apa mata wang yang dipegang olehnya kepada mana-mana mata wang lain.

Seksyen 8

Setiap agensi khusus hendaklah, dalam menjalankan haknya di bawah seksyen 7 di atas, memberikan perhatian yang sewajarnya kepada apa-apa representasi yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana Negara pihak kepada Konvensyen ini setakat yang dianggap bahawa kuat kuasa dapat diberikan kepada representasi itu tanpa menjaskan kepentingan agensi itu.

Seksyen 9

Agensi-agensi khusus, aset, pendapatan dan harta lainnya hendaklah—

- (a) dikecualikan daripada semua cukai langsung; walau bagaimanapun, difahamkan bahawa, agensi-agensi khusus itu tidak akan menuntut pengecualian daripada cukai yang, sebenarnya, merupakan caj bagi perkhidmatan kemudahan awam;
- (b) dikecualikan daripada duti kastam dan larangan dan sekatan ke atas import dan eksport berkenaan dengan barang yang diimport atau dieksport oleh agensi-agensi khusus itu bagi kegunaan rasminya; walau bagaimanapun, difahamkan bahawa, barang yang diimport di bawah pengecualian tersebut tidak akan dijual di dalam negara di mana barang itu diimport kecuali di bawah syarat-syarat yang dipersetujui dengan Kerajaan negara itu;
- (c) dikecualikan daripada duti dan larangan dan sekatan ke atas import dan eksport berkenaan dengan penerbitannya.

Seksyen 10

Walaupun agensi-agensi khusus tidak akan, secara amnya, menuntut pengecualian daripada duti eksais dan daripada cukai ke atas penjualan harta alih dan harta tak alih yang menjadi sebahagian daripada harga yang kena dibayar, namun apabila agensi-agensi khusus itu membuat pembelian penting harta bagi kegunaan rasmi yang ke atasnya duti dan cukai telah dikenakan atau boleh dikenakan, Negara pihak kepada Konvensyen ini akan, bila mungkin, membuat perkiraan pentadbiran yang bersesuaian bagi peremitan atau pemulangan amaun duti atau cukai.

Perkara IV**KEMUDAHAN BERKENAAN DENGAN KOMUNIKASI****Seksyen 11**

Setiap agensi khusus hendaklah menikmati, di dalam wilayah setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini berkenaan dengan agensi itu, bagi komunikasi rasminya, layanan yang tidak kurang daripada layanan yang diberikan oleh Kerajaan Negara itu kepada mana-mana Kerajaan lain, termasuk misi diplomatiknya dalam hal keutamaan, kadar dan cukai ke atas surat, kabel, telegram, radiogram, telefoto, telefon dan komunikasi yang lain, dan kadar media bagi maklumat kepada media dan radio.

Seksyen 12

Tiada penapisan boleh dikenakan terhadap surat-menyurat rasmi dan komunikasi rasmi yang lain agensi-agensi khusus itu.

Agensi-agensi khusus itu hendaklah mempunyai hak untuk menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-menyeratnya melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai, yang hendaklah mempunyai kekebalan dan keistimewaan yang sama sebagaimana perkhidmatan kurir diplomatik dan beg diplomatik.

Tiada apa-apa di dalam seksyen ini boleh ditafsirkan untuk menghalang penerima-pakaian pengawasan keselamatan yang sewajarnya yang akan ditentukan oleh perjanjian antara suatu Negara pihak kepada Konvensyen ini dengan suatu agensi khusus.

Perkara V

WAKIL ANGGOTA

Seksyen 13

Wakil anggota di mesyuarat yang diadakan oleh suatu agensi khusus hendaklah, semasa menjalankan fungsi mereka dan semasa perjalanan mereka ke dan dari tempat mesyuarat, menikmati keistimewaan dan kekebalan yang berikut:

- (a) kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri dan daripada penyitaan bagasi peribadi mereka, dan berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan yang dilakukan oleh mereka dalam tugas rasmi mereka, kekebalan daripada tiap-tiap jenis proses perundungan;
- (b) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
- (c) hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;
- (d) pengecualian bagi mereka dan suami atau isteri mereka daripada sekatan imigresen, pendaftaran orang asing atau obligasi khidmat negara di dalam negara yang dilawati oleh mereka atau yang dilalui oleh mereka dalam menjalankan fungsi mereka;
- (e) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang atau sekatan pertukaran seperti yang diberikan kepada wakil Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (f) kekebalan dan kemudahan yang sama berkenaan dengan bagasi peribadi seperti yang diberikan kepada anggota misi diplomatik yang setara.

Seksyen 14

Untuk menjamin kebebasan bercakap sepenuhnya dan kebebasan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas bagi wakil anggota agensi-agensi khusus di mesyuarat yang diadakan oleh mereka, kekebalan daripada proses perundungan berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan mereka dalam melaksanakan tugas mereka hendaklah terus diberikan, walaupun orang yang berkenaan bukan lagi terlibat dalam pelaksanaan tugas itu.

Seksyen 15

Jika beban apa-apa bentuk pencukaian bergantung kepada pemastautinan, tempoh yang dalamnya wakil anggota kepada agensi-agensi khusus menghadiri persidangan yang diadakan olehnya berada di dalam suatu Negara anggota bagi melaksanakan tugas mereka tidaklah boleh dianggap sebagai tempoh pemastautinan.

Seksyen 16

Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada wakil anggota, bukan untuk faedah peribadi individu itu, tetapi untuk memelihara kebebasan mereka dalam melaksanakan fungsi yang berkaitan dengan agensi-agensi khusus itu. Oleh itu, sesuatu anggota bukan sahaja mempunyai hak tetapi mempunyai kewajipan untuk mengetepikan kekebalan wakilnya dalam apa-apa hal jika pada pendapat anggota itu kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan kekebalan boleh diketepikan tanpa menjaskannya maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

Seksyen 17

Peruntukan seksyen 13,14 dan 15 tidak terpakai berhubung dengan pihak berkuasa sesuatu Negara yang orang itu ialah seorang warganegara atau yang dia ialah atau telah menjadi wakil.

Perkara VI**PEGAWAI****Seksyen 18**

Setiap agensi khusus akan menentukan kategori pegawai yang baginya peruntukan Perkara ini dan Perkara VIII hendaklah terpakai. Agensi khusus itu hendaklah menyampaikan kategori tersebut kepada Kerajaan semua Negara pihak kepada Konvensyen ini berkenaan dengan agensi itu dan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Nama pegawai-pegawai yang dimasukkan ke dalam kategori itu hendaklah dari semasa ke semasa diberitahukan kepada Kerajaan yang disebut di atas.

Seksyen 19

Pegawai agensi-agensi khusus hendaklah—

- (a) kebal daripada proses perundangan berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis dan segala perbuatan yang dilaksanakan oleh mereka dalam tugas rasmi mereka;
- (b) menikmati pengecualian cukai yang sama berkenaan dengan gaji dan emolumen yang dibayar kepada mereka oleh agensi-agensi khusus dan atas syarat-syarat yang sama seperti yang dinikmati oleh pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

- (c) kebal, bersama-sama dengan suami atau isteri mereka dan saudara-mara yang bergantung kepada mereka, daripada sekat imigresen dan pendaftaran orang asing;
- (d) diberi keistimewaan yang sama berkenaan dengan kemudahan pertukaran seperti yang diberikan kepada pegawai misi diplomatik yang berpangkat setara;
- (e) diberi, bersama-sama dengan suami atau isteri mereka dan saudara-mara yang bergantung kepada mereka, kemudahan repatriasi yang sama pada masa krisis antarabangsa seperti yang diberikan kepada pegawai misi diplomatik yang berpangkat setara;
- (f) mempunyai hak untuk mengimport perabot dan barang-barang mereka bebas daripada duti pada masa mereka mula-mula menyandang jawatan mereka di dalam negara yang berkenaan.

Seksyen 20

Pegawai agensi-agensi khusus hendaklah dikecualikan daripada obligasi khidmat negara, dengan syarat bahawa berhubung dengan negara yang mana mereka merupakan warganegara, pengecualian itu hendaklah terbatas kepada pegawai agensi-agensi khusus yang nama mereka telah, oleh sebab tugas mereka, diletakkan dalam senarai yang dibuat oleh ketua eksekutif agensi khusus itu dan diluluskan oleh Negara yang berkenaan.

Jika pegawai lain agensi-agensi khusus dipanggil untuk khidmat negara, Negara yang berkenaan hendaklah, atas permintaan agensi khusus yang berkenaan, memberikan penangguhan sementara kepada pegawai yang dipanggil itu sebagaimana perlu untuk mengelak gangguan dalam meneruskan kerja yang penting.

Seksyen 21

Sebagai tambahan kepada kekebalan dan keistimewaan yang dinyatakan dalam seksyen 19 dan 20, ketua eksekutif setiap agensi khusus, termasuklah mana-mana pegawai yang bertindak bagi pihaknya semasa dia tidak hadir bertugas, hendaklah diberi berkenaan dengan dirinya, suami atau isterinya dan anaknya yang di bawah umur, keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang diberikan kepada utusan diplomatik, mengikut undang-undang antarabangsa.

Seksyen 22

Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pegawai bagi kepentingan agensi-agensi khusus itu sahaja dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Setiap agensi khusus hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pegawai dalam apa-apa hal jika, pada pendapatnya, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan kepada kepentingan agensi khusus itu.

Seksyen 23

Setiap agensi khusus hendaklah bekerjasama dengan pihak berkuasa Negara pihak yang berkenaan pada setiap masa untuk membantu pentadbiran keadilan yang sepatutnya, menjamin kepatuhan kepada peraturan-peraturan polis dan mencegah daripada berlakunya apa-apa penyalahgunaan berkenaan dengan keistimewaan, kekebalan dan kemudahan yang disebut dalam Perkara ini.

Perkara VII**PENYALAHGUNAAN KEISTIMEWAAN****Seksyen 24**

Jika mana-mana Negara pihak kepada Konvensyen ini menganggap bahawa terdapat penyalahgunaan sesuatu keistimewaan atau kekebalan yang diberikan oleh Konvensyen ini, perundingan hendaklah diadakan antara Negara itu dengan agensi khusus yang berkenaan untuk menentukan sama ada penyalahgunaan itu telah berlaku, dan, jika ya, untuk berusaha bagi memastikan bahawa perkara itu tidak berulang. Jika perundingan itu gagal untuk mencapai suatu keputusan yang memuaskan kepada Negara dan agensi khusus yang berkenaan, persoalan sama ada suatu penyalahgunaan keistimewaan atau kekebalan telah berlaku hendaklah diserahkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa mengikut Seksyen 32. Jika Mahkamah Keadilan Antarabangsa mendapati bahawa suatu penyalahgunaan telah berlaku, Negara pihak kepada Konvensyen ini yang terjejas oleh penyalahgunaan itu berhak, selepas memberitahu agensi khusus yang berkenaan, untuk tidak memberikan kepada agensi khusus yang berkenaan faedah keistimewaan atau kekebalan yang telah disalahgunakan itu.

Seksyen 25

1. Wakil anggota di mesyuarat yang dipanggil oleh agensi-agensi khusus, apabila menjalankan fungsi mereka dan semasa perjalanan mereka ke dan daripada tempat mesyuarat itu, dan pegawai dalam maksud seksyen 18, tidak dikehendaki oleh pihak berkuasa wilayah untuk meninggalkan negara yang dalam mana mereka sedang menjalankan fungsi mereka berdasarkan apa-apa aktiviti oleh mereka dalam tugas rasmi mereka. Walau bagaimanapun, dalam hal di mana terdapat penyalahgunaan keistimewaan tempat tinggal yang dilakukan oleh mana-mana orang dalam aktiviti di dalam negara itu di luar daripada fungsi rasminya, dia boleh dikehendaki untuk meninggalkan negara itu oleh Kerajaan negara itu dengan syarat:

2. (I) Wakil anggota, atau orang yang berhak kepada kekebalan diplomatik di bawah Seksyen 21, tidak dikehendaki untuk meninggalkan negara itu melainkan mengikut tatacara diplomatik yang terpakai kepada utusan diplomatik yang ditauliahkan ke negara itu.

(II) Dalam hal pegawai yang mana Seksyen 21 tidak terpakai kepadanya, tiada perintah untuk meninggalkan negara itu boleh dikeluarkan melainkan dengan kelulusan Menteri Luar negara yang berkenaan, dan kelulusan itu hendaklah diberikan hanya setelah perundingan dengan ketua eksekutif agensi khusus yang

berkenaan: dan jika prosiding pemecatan diambil terhadap seseorang pegawai, ketua eksekutif agensi khusus itu berhak untuk hadir dalam prosiding itu bagi pihak orang yang terhadapnya prosiding itu dimulakan.

Perkara VIII

LAISSEZ-PASSER

Seksyen 26

Pegawai agensi-agensi khusus berhak untuk menggunakan *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selaras dengan perkiraan pentadbiran yang akan dibuat antara Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan pihak berkuasa berwibawa agensi-agensi khusus, yang mana kuasa khas untuk mengeluarkan *laissez-passar* boleh diwakilkan kepada agensi itu. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah memberitahu setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini mengenai setiap perkiraan pentadbiran yang telah dibuat.

Seksyen 27

Negara pihak kepada Konvensyen ini hendaklah mengiktiraf dan menerima *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dikeluarkan kepada pegawai agensi-agensi khusus sebagai dokumen perjalanan yang sah.

Seksyen 28

Permohonan visa, apabila dikehendaki, daripada pegawai agensi-agensi khusus yang memegang *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, apabila disertai dengan perakuan bahawa perjalanan mereka adalah atas urusan agensi khusus, hendaklah dikendalikan dengan seberapa segera yang mungkin. Sebagai tambahan, orang tersebut hendaklah dibenarkan kemudahan perjalanan segera.

Section 29

Kemudahan yang sama seperti yang dinyatakan dalam seksyen 28 hendaklah diberikan kepada pakar dan orang lain yang, walaupun bukan pemegang *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, mempunyai perakuan bahawa perjalanan mereka adalah atas urusan suatu agensi khusus.

Seksyen 30

Ketua eksekutif, penolong ketua eksekutif, ketua jabatan dan pegawai lain yang bertaraf tidak rendah daripada ketua jabatan agensi-agensi khusus yang berjalan atas *laissez-passar* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi urusan agensi-agensi khusus hendaklah diberi kemudahan perjalanan yang sama seperti yang diberikan kepada pegawai misi diplomatik yang setara.

Perkara IX

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Seksyen 31

Setiap agensi khusus hendaklah membuat peruntukan untuk cara penyelesaian yang sesuai bagi—

- (a) pertikaian yang timbul daripada kontrak atau pertikaian lain yang bersifat peribadi yang mana agensi khusus itu merupakan pihak kepadanya;
- (b) pertikaian yang melibatkan mana-mana pegawai agensi khusus yang menikmati kekebalan disebabkan oleh jawatan rasminya, jika kekebalan tidak diketepikan mengikut peruntukan Seksyen 22.

Seksyen 32

Semua perbezaan yang timbul daripada pentafsiran atau pemakaian Konvensyen ini hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa, melainkan jika dalam apa-apa kes telah dipersetujui oleh pihak-pihak untuk menggunakan cara penyelesaian yang lain. Jika perbezaan timbul antara suatu agensi khusus di satu pihak, dengan suatu anggota di pihak yang satu lagi, permintaan hendaklah dibuat bagi nasihat undang-undang ke atas apa-apa soalan undang-undang yang terlibat mengikut Perkara 96 Piagam dan Perkara 65 Statut Mahkamah dan peruntukan berkaitan perjanjian yang dibuat antara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan agensi khusus yang berkenaan. Pandangan yang diberikan oleh Mahkamah hendaklah diterima sebagai muktamad oleh pihak-pihak.

Perkara X

LAMPIRAN-LAMPIRAN DAN PEMAKAIAN KEPADA AGENSI-AGENSI KHUSUS INDIVIDU

Seksyen 33

Dalam pemakaiannya bagi setiap agensi khusus, fasal-fasal am adalah terpakai tertakluk kepada apa-apa ubah suaihan yang dinyatakan dalam teks muktamad (atau disemak) lampiran yang berhubungan dengan agensi itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 36 dan 38.

Seksyen 34

Peruntukan Konvensyen yang berhubung dengan mana-mana agensi khusus hendaklah ditafsirkan berdasarkan fungsi yang telah diamanahkan kepada agensi itu oleh surat cara perlombagaannya.

Seksyen 35

Draf Lampiran I hingga IX adalah disyorkan kepada agensi-agensi khusus yang dinamakan di situ. Dalam hal di mana mana-mana agensi khusus tidak disebut namanya dalam Seksyen 1, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah mengemukakan kepada agensi itu suatu draf lampiran yang disyorkan oleh Majlis Ekonomi dan Sosial.

Seksyen 36

Teks muktamad setiap lampiran hendaklah yang diluluskan oleh agensi khusus yang berkenaan mengikut tatacara perlombagaannya. Suatu salinan lampiran itu sebagaimana yang diluluskan oleh setiap agensi khusus hendaklah dikemukakan oleh agensi yang berkenaan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lampiran itu hendaklah terus menggantikan draf yang disebut dalam seksyen 35.

Seksyen 37

Konvensyen sedia ada menjadi terpakai kepada setiap agensi khusus apabila agensi khusus itu menyampaikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu teks muktamad lampiran yang berkaitan dan memaklumkan kepadanya bahawa agensi itu menerima pakai fasal-fasal am, sebagaimana yang diubahsuai oleh lampiran ini, dan mengakujanji untuk memberi kesan kepada seksyen 8, 18, 22, 23, 24, 31, 32, 42 dan 45 (tertakluk kepada apa-apa ubah suaian kepada seksyen 32 yang mungkin didapati perlu bagi menjadikan teks muktamad lampiran itu selaras dengan surat cara perlombagaan agensi itu. Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan kepada semua Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kepada Negara anggota lain tentang salinan semua lampiran agensi khusus yang diperakui dan dikemukakan kepadanya di bawah seksyen ini dan lampiran yang disemak dan yang dikemukakan di bawah seksyen 38.

Seksyen 38

Jika mana-mana agensi khusus meluluskan apa-apa pindaan kepada lampiran yang muktamad mengikut tatacara perlombagaannya selepas lampiran muktamad itu dikemukakan di bawah seksyen 36, suatu lampiran yang disemak hendaklah dikemukakan olehnya kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Seksyen 39

Peruntukan Konvensyen ini tidak dalam apa-apa cara pun mengehadkan atau menjelaskan keistimewaan dan kekebalan yang telah, atau akan diberikan oleh mana-mana Negara kepada mana-mana agensi-agensi khusus atas sebab ibu pejabat atau pejabat wilayah agensi itu terletak di dalam wilayah Negara itu.

Konvensyen ini tidaklah dianggap menghalang tercapainya persetujuan antara mana-mana Negara pihak dan mana-mana agensi khusus mengenai perjanjian tambahan yang membetulkan peruntukan Konvensyen ini atau meluaskan atau mengehadkan keistimewaan dan kekebalan yang telah diberi.

Seksyen 40

Adalah difahamkan bahawa fasal-fasal am, sebagaimana yang diubahsuaikan dalam teks muktamad sesuatu lampiran yang dihantar oleh suatu agensi khusus kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah seksyen 36 (atau apa-apa lampiran yang disemak yang dihantar di bawah seksyen 38), hendaklah selaras dengan peruntukan surat cara perlombagaan agensi berkenaan yang sedang berkuatkuasa, dan jika apa-apa pindaan kepada surat cara itu perlu bagi maksud menjadikan surat cara perlombagaan itu selaras, pindaan itu akan berkuatkuasa mengikut tatacara perlombagaan agensi itu sebelum lampiran yang muktamad (atau disemak) dihantar.

Konvensyen ini tidak akan secara sendiri bertindak untuk memansuhkan atau menjelaskan apa-apa peruntukan surat cara perlombagaan mana-mana agensi khusus atau apa-apa hak atau obligasi yang agensi itu mungkin selainnya memperoleh atau mengambil alih.

Perkara XI

PERKARA AKHIR

Seksyen 41

Kesertaan kepada Konvensyen ini oleh suatu Anggota Pertubuhan Badan-badan Bersatu dan (tertakluk kepada seksyen 42), oleh mana-mana Negara anggota suatu agensi khusus hendaklah diberi kesan dengan menyimpan surat cara kesertaan dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh surat cara kesertaan itu disimpan.

Seksyen 42

Setiap agensi khusus yang berkenaan hendaklah memaklumkan kepada anggotanya yang bukan Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang teks Konvensyen ini bersama-sama dengan lampiran yang dan hendaklah menjemput mereka untuk menyertai Konvensyen ini berkenaan dengan agensi itu dengan menyimpan suatu surat cara kesertaan kepada Konvensyen ini sama ada dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau dengan ketua eksekutif agensi khusus itu.

Seksyen 43

Setiap negara pihak kepada Konvensyen ini hendaklah menunjukkan dalam surat cara kesertaannya agensi atau agensi-agensi khusus yang ia mengakujanji untuk mengenakan peruntukan Kinvensyen ini. Setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini boleh melalui pemberitahuan bertulis kemudiannya kepada

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengakujanji untuk mengenakan peruntukan Konvensyen ini kepada satu atau lebih agensi-agensi khusus. Pemberitahuan ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia diterima oleh Setiausaha Agung.

Seksyen 44

Konvensyen ini hendaklah mula berkuatkuasa bagi setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini berkenaan dengan suatu agensi khusus apabila ia menjadi terpakai kepada agensi itu mengikut seksyen 37 dan Negara pihak itu telah mengakujanji untuk memakai peruntukan Konvensyen kepada agensi itu mengikut seksyen 43.

Seksyen 45

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah memaklumkan semua Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan juga semua anggota agensi-agensi khusus, dan ketua-ketua eksekutif agensi-agensi khusus, tentang penyimpanan setiap surat cara kesertaan yang diterima di bawah seksyen 41 dan pemberitahuan selanjutnya yang diterima di bawah seksyen 43. Ketua eksekutif agensi-agensi khusus hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan anggota agensi yang berkenaan tentang penyimpanan apa-apa surat cara kesertaan yang disimpan dengannya di bawah seksyen 42.

Seksyen 46

Difahamkan bahawa apabila suatu surat cara kesertaan atau suatu pemberitahuan lanjut disimpan bagi pihak mana-mana Negara, Negara ini boleh di bawah undang-undangnya memberi kesan kepada terma-terma Konvensyen ini, sebagaimana yang diubahsuai oleh teks muktamad mana-mana lampiran yang berhubungan dengan agensi-agensi yang diliputi oleh kesertaan atau pemberitahuan itu.

Seksyen 47

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 dan 3 seksyen ini, setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini mengakujanji untuk memakai Konvensyen ini berkenaan dengan setiap agensi khusus yang terikat oleh kesertaan atau pemberitahuan lanjutnya, sehingga suatu masa yang suatu konvensyen atau lampiran yang disemak akan terpakai kepada agensi itu dan Negara itu telah menerima konvensyen atau lampiran yang disemak itu. Dalam hal suatu lampiran yang disemak, penerimaan Negara-Negara itu hendaklah melalui suatu pemberitahuan yang dialamatkan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan berkuatkuasa pada tarikh penerimaanya oleh Setiausaha Agung.
2. Setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini, walau bagaimanapun, yang bukan atau telah berhenti menjadi anggota suatu agensi khusus, boleh mengalamatkan suatu pemberitahuan bertulis kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ketua eksekutif agensi yang berkenaan bahawa ia

bercadang untuk menahan daripada agensi itu faedah konvensyen ini mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan, yang tidak akan lebih awal dari tiga bulan daripada tarikh penerimaan pemberitahuan itu.

3. Setiap Negara pihak kepada Konvensyen ini boleh menahan faedah konvensyen ini daripada mana-mana agensi khusus yang terhenti mempunyai hubungan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

4. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan memaklumkan semua Negara pihak kepada Konvensyen ini berkenaan dengan apa-apa pemberitahuan yang dihantar kepadanya di bawah peruntukan seksyen ini.

Seksyen 48

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan memanggil suatu persidangan yang bertujuan untuk menyemak Konvensyen ini apabila diminta oleh satu pertiga Negara pihak kepada Konvensyen ini.

Seksyen 49

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan menghantar salinan Konvensyen ini kepada setiap agensi khusus dan Kerajaan setiap Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN I

PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa, fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Perkara V (selain perenggan (c) seksyen 13) dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2(I), Perkara VII hendaklah diperluas kepada anggota majikan dan anggota pekerja dan timbalan anggota kepada Badan Pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan pengganti mereka, kecuali bahawa apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana orang anggota di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Badan Pentadbir itu.
2. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut dalam seksyen 21 tentang fasal am hendaklah diberikan juga kepada Timbalan Ketua Pengarah Pejabat Buruh Antarabangsa dan mana-mana Penolong Ketua Pengarah Pejabat Buruh Antarabangsa.
3. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang

perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan perkhidmatan dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen mereka yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- (ii) Berkaitan dengan (d) 3 (i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN II

PERTUBUHAN MAKANAN DAN PERTANIAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Makanan Dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I), perkara VII hendaklah diperluas kepada Pengurus Majlis Pertubuhan itu, kecuali bahawa apa-apa penepian kekebalan Pengurus itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Majlis Pertubuhan itu
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan perkhidmatan dalam jawatankuasa atau misi tersebut;
 - (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;

- (b) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (d) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen mereka yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- (ii) Berkaitan dengan (d) 2 (i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan man-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskankan kepentingan Pertubuhan itu.

3. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut dalam seksyen 21 fasal am hendaklah diberikan juga kepada Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN II

(Teks disemak)

PERTUBUHAN MAKANAN DAN PERTANIAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Makanan Dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I), perkara VII hendaklah diperluas kepada Pengerusi Majlis Pertubuhan itu dan kepada wakil Anggota Bersekutu, kecuali bahawa apa-apa penepian kekebalan Pengerusi itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Majlis Pertubuhan itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:
 - (a) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;

- (b) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (c) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (d) ketidakbolehocabulan bagi kertas dan dokumen mereka yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu dan; bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;
- (ii) Berkaitan dengan (d) 2 (i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.
3. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut dalam seksyen 21 fasal am hendaklah diberikan juga kepada Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN II

(Teks disemak kedua)

PERTUBUHAN MAKANAN DAN PERTANIAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Makanan Dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I), perkara VII hendaklah diperluas kepada Pengurus Majlis Pertubuhan itu dan kepada wakil Anggota Bersekutu, kecuali bahawa apa-apa penepian kekebalan Pengurus itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Majlis Pertubuhan itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah

masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- (b) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (c) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (d) ketidakbolehcabulan bagi kertas dan dokumen mereka yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu dan; bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai.

(ii) Berkaitan dengan (d) 2 (i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

(iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

3. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut dalam seksyen 21 fasal am hendaklah diberikan juga kepada Timbalan Ketua Pengarah dan Penolong Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN III

PERTUBUHAN PENERBANGAN AWAM ANTARABANGSA

Fasal am hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut dalam seksyen 21 fasal am hendaklah diberikan juga kepada Presiden Majlis Pertubuhan itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut

setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen mereka yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu.
- (ii) Berkaitan dengan (d) 2 (i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN IV

PERTUBUHAN PELAJARAN, SAINS DAN KEBUDAYAAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Fasal am hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan Pertubuhan Pelajaran, Sains Dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I), perkara VII hendaklah diperluas kepada Presiden bagi Persidangan dan anggota Lembaga Eksekutif Pertubuhan itu, pengganti dan penasihat mereka, kecuali bahawa apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana anggota Lembaga Eksekutif di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Lembaga Eksekutif itu.
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan itu, suami atau isterinya dan anaknya yang di bawah umur hendaklah juga mendapat keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang diberikan kepada utusan diplomatik mengikut undang-undang antarabangsa, yang mana dijamin oleh perkara VI, seksyen 21 Konvensyen kepada ketua eksekutif bagi setiap agensi khusus.

3. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkennaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkennaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkennaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (ii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN V

TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA

Dalam pemakaianya kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (kemudian daripada ini disebut “Tabung itu”), Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Seksyen 32 fasal am hendaklah hanya terpakai kepada perbezaan yang timbul daripada tafsiran atau pemakaian keistimewaan dan kekebalan yang diperoleh oleh Tabung semata-mata daripada Konvensyen ini dan tidak termasuk dalam mana yang boleh dituntut olehnya di bawah Perkara Perjanjian atau selainnya.
2. Peruntukan Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) tidak mengubah atau meminda atau menghendaki ubah suaian atau pindaan Perkara Perjanjian Tabung itu atau mengurangkan atau mengehadkan apa-apa hak, kekebalan, keistimewaan atau pengecualian yang diberikan ke atas Tabung itu atau mana-mana anggotanya, Gabenor, Pengarah Eksekutif, pengganti, pegawai atau pekerja oleh Perkara Perjanjian Tabung itu, atau oleh apa-apa statut, undang-undang atau peraturan mana-mana anggota Tabung itu atau mana-mana subbahagian politik mana-mana anggota tersebut, atau selainnya.

LAMPIRAN VI

BANK ANTARABANGSA UNTUK PEMULIHAN DAN PEMBANGUNAN

Dalam pemakaiannya kepada Bank Antarabangsa Untuk Pemulihan Dan Pembangunan (kemudian daripada ini disebut “Bank itu”), Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Seksyen 4 hendaklah digantikan dengan yang berikut:

“Tindakan boleh dibawa terhadap Bank itu hanya dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten dalam wilayah sesuatu anggota Bank itu di mana Bank itu mempunyai pejabat, telah melantik agen untuk bagi maksud untuk menerima servis atau notis proses, atau telah mengeluarkan atau menjamin sekuriti. Walau bagaimanapun, tiada tindakan boleh dibawa oleh anggota atau orang yang bertindak atau mendapat tuntutan daripada anggota. Harta dan aset bank itu hendaklah, walau di mana pun terletak dan dipegang oleh sesiapapun, hendaklah kebal daripada semua bentuk rampasan, penahanan pelaksanaan sebelum penyampaian penghakiman muktamad terhadap Bank itu.”

2. Seksyen 32 fasal am hendaklah hanya terpakai kepada perbezaan yang timbul daripada tafsiran atau pemakaian keistimewaan dan kekebalan yang diperoleh oleh Bank semata-mata daripada Konvensyen ini dan tidak termasuk dalam mana yang boleh dituntut olehnya di bawah Perkara Perjanjian atau selainnya.

3. Peruntukan Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) tidak mengubah atau meminda atau menghendaki ubah suaian atau pindaan Perkara Perjanjian Bank itu atau mengurangkan atau mengehadkan apa-apa hak, kekebalan, keistimewaan atau pengecualian yang diberikan ke atas Bank itu atau mana-mana anggotanya, Gabenor, Pengarah Eksekutif, pengganti, pegawai atau pekerja oleh Perkara Perjanjian Bank itu, atau oleh apa-apa statut, undang-undang atau peraturan mana-mana anggota Bank itu atau mana-mana subbahagian politik mana-mana anggota tersebut, atau selainnya.

LAMPIRAN VII

PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

Dalam pemakaiannya kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada orang yang dinamakan untuk berkhidmat dalam Lembaga Eksekutif Pertubuhan itu, pengganti mereka dan penasihat mereka, kecuali bahawa apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana orang itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Lembaga itu.

2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:
- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkennaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkennaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkennaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) Ketidakbolehocabulan bagi semua kertas dan dokumen;
 - (e) Hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas dan surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai bagi komunikasi mereka dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.
- (ii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN VII

(Teks disemak)

PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (kemudian daripada ini disebut "Pertubuhan itu"), fasa I am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada orang yang dinamakan untuk berkhidmat dalam Lembaga Eksekutif Pertubuhan itu, pengganti mereka dan penasihat mereka, kecuali bahawa apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana orang itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Lembaga Eksekutif itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat

yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
 - (e) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas dan surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai
- (ii) Keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam perenggan (b) dan (e) di atas hendaklah diberikan kepada orang yang berkhidmat dalam Panel Penasihat Pakar Pertubuhan itu dalam menjalankan fungsi mereka sedemikian.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

3. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 and 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada wakil anggota bersekutu yang menyertai kerja Pertubuhan itu mengikut perkara 8 dan 47 Perlembagaan.

LAMPIRAN VII

(Teks disemak kedua)

PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada orang yang dinamakan untuk berkhidmat dalam Lembaga Eksekutif Pertubuhan itu, pengganti mereka dan penasihat mereka, kecuali

bahawa apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana orang itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Lembaga Eksekutif itu.

2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkennaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkennaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkennaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
 - (e) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas dan surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai.
- (ii) Keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam perenggan (b) dan (e) di atas hendaklah diberikan kepada orang yang berkhidmat dalam Panel Penasihat Pakar Pertubuhan itu dalam menjalankan fungsi mereka sedemikian.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

3. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada wakil anggota bersekutu yang menyertai kerja Pertubuhan itu mengikut perkara 8 dan 47 Perlembagaan.

4. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di seksyen 21 fasal am hendaklah juga diberikan kepada mana-mana Penolong Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN VII

(*Teks disemak ketiga*)

PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada orang yang dinamakan untuk berkhidmat dalam Lembaga Eksekutif Pertubuhan itu, pengganti mereka dan penasihat mereka, kecuali bawanya apa-apa pengetepian kekebalan mana-mana orang itu di bawah seksyen 16 hendaklah oleh Lembaga itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:
 - (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
 - (c) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
 - (e) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas dan surat-menjurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai.
- (ii) Keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam perenggan (b) dan (e) di atas hendaklah diberikan kepada orang yang berkhidmat dalam Panel Penasihat Pakar Pertubuhan itu dalam menjalankan fungsi mereka sedemikian.
- (iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

3. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 and 2 (I) perkara VII hendaklah diperluas kepada wakil Anggota Bersekutu yang menyertai kerja Pertubuhan itu mengikut perkara 8 dan 47 Perlembagaan.
4. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di seksyen 21 fasal am hendaklah juga diberikan kepada mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah dan Pengarah Daerah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN VIII

KESATUAN POS SEDUNIA

[*Terjemahan*]

Fasal am hendaklah terpakai tanpa ubah suaian.

LAMPIRAN IX

KESATUAN TELEKOMUNIKASI ANTARABANGSA

Fasal am hendaklah terpakai tanpa ubah suaian kecuali Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa tidak menuntut baginya layanan istimewa berkenaan dengan “Kemudahan berkenaan dengan komunikasi” yang diperuntukkan dalam perkara IV, seksyen 11.

LAMPIRAN X

PERTUBUHAN PELARIAN ANTARABANGSA

Fasal am hendaklah terpakai tanpa ubah suaian.

LAMPIRAN XI

PERTUBUHAN METEOROLOGI SEDUNIA

Fasal am hendaklah terpakai tanpa ubah suaian.

LAMPIRAN XII

PERTUBUHAN KONSULTATIF MARITIM ANTARA KERAJAAN

1. Keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di perkara VI, seksyen 21 fasal am, hendaklah diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan itu dan kepada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Maritim, dengan syarat bahawa peruntukan perenggan ini tidak menghendaki Anggota yang di dalam wilayahnya Pertubuhan itu mempunyai Ibu pejabat untuk memakai perkara VI, seksyen 21 fasal am ke atas mana-mana orang yang merupakan warganegaranya.

2. (a) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (i) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- (ii) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (iii) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (iv) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- (v) hak untuk menggunakan kod dan menerima dokumen dan surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai bagi komunikasi dengan Pertubuhan Konsultatif Maritim Antara Kerajaan itu.

Berkaitan dengan seksyen 2(a)(iv) dan (v) di atas prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

(b) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN XII

(Teks disemak)

PERTUBUHAN KONSULTATIF MARITIM ANTARA KERAJAAN

1. Keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di perkara VI, seksyen 21 fasal am, hendaklah diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan itu, kepada Timbalan Setiausaha Agung dan kepada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Maritim, dengan syarat bahawa peruntukan perenggan ini tidak menghendaki Anggota yang di dalam wilayahnya Pertubuhan itu mempunyai Ibu pejabat untuk memakai perkara VI, seksyen 21 fasal am ke atas mana-mana orang yang merupakan warganegaranya.

2. (a) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (i) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- (ii) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (iii) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (iv) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- (v) hak untuk menggunakan kod dan menerima dokumen dan surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai bagi komunikasi dengan Pertubuhan Konsultatif Maritim Antara Kerajaan itu.

Berkaitan dengan seksyen 2 (a) (iv) dan (v) di atas prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

(b) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN XII

(Teks kedua disemak)

PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA

Keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di perkara VI, seksyen 21 fasal am, hendaklah diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan itu, kepada Timbalan Setiausaha Agung, kepada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Maritim dan kepada Pengarah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kerjasama Teknikal, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Hubungan Luar, Bahagian Persidangan dan Bahagian Alam Sekitar Marin, dengan syarat bahawa peruntukan perenggan ini tidak menghendaki Anggota yang di dalam wilayahnya Pertubuhan itu mempunyai Ibu pejabat untuk memakai perkara VI, seksyen 21 fasal am ke atas mana-mana orang yang merupakan warganegaranya. Jika pada bila-bila masa Pertubuhan itu menukar gelaran mana-mana jawatan Pengarah, pemegang jawatan itu pada masa itu hendaklah terus diberikan keistimewaan dan kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di perenggan ini.

(a) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (i) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- (ii) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (iii) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (iv) ketidakbolehocabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- (v) hak untuk menggunakan kod dan menerima dokumen dan surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai bagi komunikasi dengan Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

Berkaitan dengan seksyen 2 (a) (iv) dan (v) di atas prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

(b) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.

LAMPIRAN XIII

PERBADANAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Dalam pemakaianya kepada Perbadanan Kewangan Antarabangsa (kemudian daripada ini disebut “Perbadanan itu”), Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Seksyen 4 hendaklah digantikan dengan yang berikut:

“Tindakan boleh dibawa terhadap Perbadanan itu hanya dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten dalam wilayah sesuatu anggota di mana Perbadanan itu mempunyai pejabat, telah melantik agen bagi maksud untuk menerima servis atau notis proses, atau telah mengeluarkan atau menjamin sekuriti. Walau bagaimanapun, tiada tindakan boleh dibawa oleh

anggota atau orang yang bertindak bagi atau mendapat tuntutan daripada anggota. Harta dan aset Perbadanan itu hendaklah, walau di mana pun terletak dan dipegang oleh sesiapapun, hendaklah kebal daripada semua bentuk rampasan, penahanan atau pelaksanaan sebelum penyampaian penghakiman muktamad terhadap Perbadanan itu.”

2. Perenggan (b) seksyen 7 fasal am hendaklah terpakai kepada Perbadanan itu tertakluk kepada perkara III, seksyen 5 Perkara Perjanjian Perbadanan itu.

3. Perbadanan itu mempunyai budi bicara untuk mengetepikan mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah perkara VI Perkara Perjanjiannya sehingga suatu tahap dan atas apa-apa syarat yang boleh ditentukannya.

4. Seksyen 32 fasal am hendaklah hanya terpakai kepada perbezaan yang timbul daripada tafsiran atau pemakaian keistimewaan dan kekebalan yang diperoleh oleh Perbadanan itu semata-mata daripada Konvensyen ini dan tidak termasuk dalam mana yang boleh dituntut olehnya di bawah Perkara Perjanjiannya atau selainnya.

5. Peruntukan Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) tidak mengubah atau meminda atau menghendaki ubah suaian atau pindaan Perkara Perjanjian Perbadanan itu atau mengurangkan atau mengehadkan apa-apa hak, kekebalan, keistimewaan atau pengecualian yang diberikan ke atas Perbadanan itu atau mana-mana anggotanya, gabenor, pengarah eksekutif, pengganti, pegawai dan pekerjaanya oleh Perkara Perjanjian Perbadanan itu, atau oleh apa-apa statut, undang-undang atau peraturan mana-mana anggota Perbadanan itu atau mana-mana subbahagian politik mana-mana anggota tersebut, atau selainnya.

LAMPIRAN XIV

PERTUBUHAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Pembangunan Antarabangsa (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), Konvensyen ini, termasuklah lampiran ini, hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Seksyen 4 hendaklah digantikan dengan yang berikut:

“Tindakan boleh dibawa terhadap Pertubuhan itu hanya dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten dalam wilayah sesuatu anggota di mana Pertubuhan itu mempunyai pejabat, telah melantik agen bagi maksud untuk menerima servis atau notis proses, atau telah mengeluarkan atau menjamin sekuriti. Walau bagaimanapun, tiada tindakan boleh dibawa oleh anggota atau orang yang bertindak bagi atau mendapat tuntutan daripada anggota. Harta dan aset Pertubuhan itu hendaklah, walau di mana pun terletak dan dipegang oleh sesiapapun, hendaklah kebal daripada semua bentuk rampasan, penahanan atau pelaksanaan sebelum penyampaian penghakiman muktamad terhadap Pertubuhan itu.”

2. Seksyen 32 fasal am hendaklah hanya terpakai kepada perbezaan yang timbul daripada tafsiran atau pemakaian keistimewaan dan kekebalan yang diperoleh oleh Pertubuhan itu semata-mata daripada Konvensyen ini dan tidak termasuk dalam mana yang boleh dituntut olehnya di bawah Perkara Perjanjiannya atau selainnya.
3. Peruntukan Konvensyen ini (termasuklah lampiran ini) tidak mengubah atau meminda atau menghendaki ubah suaian atau pindaan Perkara Perjanjian Pertubuhan itu atau mengurangkan atau mengehadkan apa-apa hak, kekebalan, keistimewaan atau pengecualian yang diberikan ke atas Pertubuhan itu atau mana-mana anggotanya, gabenor, pengarah eksekutif, pengganti, pegawai atau pekerjanya oleh Perkara Perjanjian Pertubuhan itu, atau oleh apa-apa statut, undang-undang atau peraturan mana-mana anggota Pertubuhan itu atau mana-mana subbahagian politik mana-mana anggota tersebut, atau selainnya.

LAMPIRAN XV

PERTUBUHAN HARTA INTELEKTUAL SEDUNIA

“Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Harta Intelektual Sedunia (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

“1. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di perkara VI, seksyen 21, fasal am hendaklah juga diberikan kepada Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

“2. (a) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- “(i) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- “(ii) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- “(iii) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi semestara;
- “(iv) Ketidakbolehocabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Pertubuhan itu;
- “(v) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima dokumen dan surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai.

Berkaitan dengan (iv) dan (v) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

“(b) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar yang disebut dalam perenggan (a) di atas untuk faedah Pertubuhan itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan Pertubuhan itu.”

LAMPIRAN XVI

TABUNG PEMBANGUNAN PERTANIAN ANTRABANGSA

Dalam pemakaianya kepada Tabung Pembangunan Pertanian Antrabangsa (kemudian daripada ini disebut “Tabung itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan yang berikut:

1. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di seksyen 21 fasal am hendaklah juga diberikan kepada mana-mana Naib Presiden Tabung itu.
2. (i) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:
 - (a) kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Tabung itu;
 - (c) kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
 - (d) ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Tabung itu dan, bagi maksud komunikasi mereka dengan Tabung itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas dan surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai.
- (ii) Berkaitan dengan (d)2(i) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.

(iii) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar untuk faedah Tabung itu dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Tabung itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Tabung itu

LAMPIRAN XVII

PERTUBUHAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BANGSA-BANGSA BERSATU

Dalam pemakaianya kepada Pertubuhan Pembangunan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu (kemudian daripada ini disebut “Pertubuhan itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. (a) Pakar (selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI) yang berkhidmat dalam jawatankuasa, atau menjalankan misi bagi, Pertubuhan itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan yang berikut setakat yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan, termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam jawatankuasa atau misi tersebut:

- (i) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
- (ii) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam jawatankuasa, atau bekerja dalam misi bagi, Pertubuhan itu;
- (iii) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara;
- (iv) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen;
- (v) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Pertubuhan itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima dokumen dan surat-menyerat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;

(b) Berkaitan dengan subperenggan (iv) dan (v) perenggan 1(a) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai;

(c) Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar dalam Pertubuhan itu untuk faedah Pertubuhan dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Pertubuhan itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjelaskan kepentingan Pertubuhan itu.

2. Keistimewaan, kekebalan, pengecualian dan kemudahan yang disebut di seksyen 21 fasal am hendaklah juga diberikan kepada mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan itu.

LAMPIRAN XVIII

ORGANISASI PELANCONGAN DUNIA

Dalam pemakaianya kepada Organisasi Pelancongan Dunia (kemudian daripada ini disebut sebagai “Organisasi itu”), fasal am hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

1. Perkara V dan seksyen 25, perenggan 1 dan 2(I), perkara VII Konvensyen hendaklah diperluas kepada wakil Anggota Bersekutu yang menyertai kerja Organisasi itu mengikut Statut Organisasi Pelancongan (kemudian daripada ini disebut “Statut itu”).
 2. Wakil Anggota Bersekutu, yang menyertai aktiviti Organisasi itu mengikut Statut itu, hendaklah diberikan:
 - (a) Semua kemudahan bagi melindungi penjalanan fungsi rasmi mereka;
 - (b) Kecepatan maksimum dalam memproses permohonan visa mereka, jika dikehendaki dan apabila diiringi dengan suatu perakuan bahawa mereka dalam perjalanan atas urusan Organisasi itu. Sebagai tambahan, orang itu hendaklah diberikan kemudahan untuk perjalanan cepat;
 - (c) Berkaitan dengan subperenggan (b) di atas, prinsip yang terkandung dalam ayat terakhir seksyen 12 fasal am hendaklah terpakai.
 3. Pakar, selain pegawai yang termasuk dalam ruang lingkup perkara VI Konvensyen, yang berkhidmat dalam organ dan badan, atau menjalankan misi bagi, Organisasi itu hendaklah diberikan keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang perlu bagi penjalanan fungsi mereka dengan berkesan dan bebas termasuklah masa yang diambil bagi perjalanan yang berkaitan dengan khidmat dalam organ dan badan atau misi tersebut. Secara khususnya, mereka hendaklah diberikan:
 - (a) Kekebalan daripada penangkapan diri atau daripada rampasan bagasi peribadi;
 - (b) Berkenaan dengan perkataan yang ditutur atau ditulis atau perbuatan yang dibuat oleh mereka dalam menjalankan fungsi rasmi mereka, kekebalan daripada apa-apa jenis proses perundangan; kekebalan itu berterusan walaupun orang yang berkenaan tidak lagi berkhidmat dalam organ atau badan atau bekerja dalam misi bagi, Organisasi itu;
 - (c) Ketidakbolehcabulan bagi semua kertas dan dokumen yang berkaitan dengan kerja mereka bagi Organisasi ;
 - (d) Bagi maksud komunikasi mereka dengan Organisasi itu, hak untuk menggunakan kod dan menerima kertas atau surat-menyurat melalui perkhidmatan kurir atau di dalam beg bermeterai;

- (e) Kemudahan yang sama dari segi sekatan mata wang dan sekatan pertukaran dan berkenaan bagasi peribadi mereka seperti yang diberikan kepada pegawai Kerajaan asing dalam misi rasmi sementara.
4. Keistimewaan dan kekebalan diberikan kepada pakar untuk faedah Organisasi dan bukan untuk faedah peribadi individu itu sendiri. Setiausaha Agung Organisasi itu mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan mana-mana pakar dalam mana-mana kes jika pada pendapatnya kekebalan itu akan menghalang proses keadilan, dan ia boleh diketepikan tanpa menjaskankan kepentingan Organisas itu.
5. Walau apapun perenggan 2 di atas, perenggan 3 dan 4 di atas hendaklah terpakai bagi wakil Anggota Bersekutu yang menjalankan misi bagi Organisasi itu sebagai pakar.
6. Keistimewaan dan kekebalan yang disebut di Seksyen 21 fasal am hendaklah juga diberikan kepada Timbalan Setiausaha Agung Organisasi itu, suami atau isterinya dan anaknya yang di bawah umur.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 (“Akta 485”) khususnya untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan keistimewaan dan kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Agensi-Agenzi Khusus.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian masing-masing Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi-Agenzi Khusus.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 485, antara lain untuk memasukkan takrif “ejen diplomatik” dan “Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu”.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 3 untuk membenarkan Menteri mengisyitiharkan kategori organisasi lain sebagai organisasi antarabangsa jika organisasi tersebut menjalankan fungsi yang memberikan faedah kepada Malaysia. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa kategori tersebut tidak termasuk organisasi tertentu, iaitu, apabila sesuatu organisasi diperbadankan atau ditubuhkan di Malaysia atau bagi sesuatu maksud komersial.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tahap keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada seseorang pegawai tinggi atau pegawai organisasi antarabangsa yang merupakan warganegara Malaysia.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 6A dan 6B ke dalam Akta 485. Seksyen 6A yang dicadangkan itu bertujuan untuk membenarkan Menteri memberikan apa-apa keistimewaan dan kekebalan mengikut Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1946 sementara seksyen 6B yang dicadangkan itu bertujuan untuk membenarkan Menteri memberikan apa-apa keistimewaan dan kekebalan mengikut Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi-Agenzi Khusus 1947.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 485 untuk mengadakan peruntukan bagi penggunaan dengan sewajarnya keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara. Di bawah seksyen 8A yang dicadangkan, keistimewaan dan kekebalan tersebut tidak diberikan bagi faedah peribadi dan boleh diketepikan tanpa memudaratkan kepentingan organisasi antarabangsa dan organisasi luar negara, jika keistimewaan dan kekebalan itu menghalang proses keadilan.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 11 Akta 485 kerana kemasukan seksyen 6A dan 6B.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 485 untuk meluaskan kekebalan mengenai hal perkara tidak boleh dicabul kepada dokumen.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda Bahagian I Jadual Kedua, Ketiga dan Kelima kepada Akta 485 masing-masing dengan menggantikan perkataan “ketua misi” dengan perkataan “ejen diplomatik”.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan Jadual Ketujuh dan Kelapan ke dalam Akta 485 yang menyatakan masing-masing Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan Agensi-Agenzi Khusus.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2676]